

# **Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 11)**

Hasmadi Bin Hassan

## **3.2 Perkembangan kognitif dan konsep kendiri**

Secara amnya, tidak terdapat banyak bukti tentang konsep kendiri di peringkat awal kelahiran. Walau bagaimanapun, pada tahap sensori motor, bayi mempunyai tugas membezakan diri mereka dengan orang lain dan objek lain yang ada di sekeliling mereka. Pada tahun 1979, Brooks dan Lewis telah menjalankan satu eksperimen bagi mengkaji konsep kendiri yang ada pada bayi (Rebok, 1987). Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa apabila bayi berusia di antara 20 – 24 bulan, mereka sudah mempunyai konsep kendiri tentang diri mereka dan orang lain. Bagi membuktikan eksperimen yang dijalankan adalah relevan dengan pembentukan konsep kendiri bayi, eksperimen yang sama juga telah dijalankan ke atas kanak-kanak ‘down syndrom’ dan mendapati bahawa hanya apabila mereka mencecah usia 3 tahun barulah kanak-kanak ini sedar bahawa apa yang mereka lihat di cermin ialah sebenarnya diri mereka sendiri.

Pada peringkat awal dan pertengahan kanak-kanak, konsep kendiri terus berkembang seiring dengan alam sosial dan kognitif mereka yang sedang berkembang. Sebaik sahaja mereka memasuki alam persekolahan, kanak-kanak lazimnya sudah boleh memberikan penjelasan yang agak tepat tentang perkara-perkara yang konkrit tentang diri mereka, misalnya jantina, umur, saiz, barang-barang yang mereka miliki, makanan kegemaran mereka, rancangan televisyen kegemaran dan sebagainya. Ini bersesuaian dengan pandangan Piaget yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 7 – 11 tahun telah memasuki tahap operasi konkrit. Satu eksperimen yang dilakukan oleh Montemayor dan Eisen pada tahun 1977 dengan menggunakan ujian ‘Twenty Statements Tests’ telah dijalankan ke atas murid-murid sekolah (Rebok, 1987). Di dalam ujian tersebut didapati kanak-kanak yang berusia 9 tahun iaitu yang masih berada di tahap operasi konkrit telah menggunakan kualiti luaran dan perwatakan fizikal bagi menerangkan konsep kendiri mereka.

Bagi kanak-kanak atau remaja yang mula mencecah usia belasan tahun yang telah mencapai tahap operasi formal, jawapan-jawapan tentang konsep kendiri mereka dilihat lebih bersifat dalaman, abstrak dan menyentuh ciri personaliti mereka. Bagi golongan remaja dan dewasa, konsep kendiri mereka menjadi lebih kompleks seiring dengan perkembangan usia dan kematangan di mana mereka mula mengambil kira nilai moral peribadi, kepercayaan, ideologi, politik, soal-soal kemanusiaan dan sebagainya. Mereka sudah boleh membuat penaaakuan dan hipotesis mengenai personaliti mereka berdasarkan tingkahlaku mereka.

Apa yang jelasnya di sini, perkembangan kognitif yang seiring dengan perubahan usia dan perubahan dari jenis evolusi atau ontogenik memainkan peranan yang begitu penting dalam pembentukan personaliti dan konsep kendiri seseorang. Apa yang penting sekali, segala peristiwa yang berlaku pada zaman kanak-kanak akan mempunyai kesan ke atas tingkahlaku

dewasanya. Tingkahlaku kanak-kanak yang berlaku dengan positif, disamping perhatian, bimbingan dan galakan ibu bapa tentu sekali membawa kepada perkembangan kognitif yang sihat kepada anak tersebut sehinggalah membentuk konsep sendiri yang positif pada zaman remaja dan dewasanya kelak.

CONTINUE...